

30/05/2003

Bot nelayan moden benar-benar moden

Sang Bedal

SANG BEDAL tertunggu-tunggu kalau ada sesuatu yang berkaitan industri memancing disebut Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika mengumumkan pakej

strategi rangsangan ekonomi berjumlah RM7.3 bilion, pada Khamis minggu lalu. Namun ada sesuatu yang boleh diberi perhatian pada Langkah 58: Memodenkan industri perikanan khususnya dengan meningkatkan kapasiti melalui penyediaan peralatan dan kemudahan penangkapan ikan kepada nelayan. Kerajaan akan membina 1,000 bot yang dilengkapi dengan peralatan

moden dan diperbuat daripada logam atau bahan komposit bagi menggantikan bot kayu. Urusan penyewaan akan dikendalikan oleh Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat).

Apa yang harus ada dalam program permodenan angkatan bot nelayan negara?

Apakah yang dimaksudkan sebagai bot moden? Sang Bedal setuju jika dana itu

digunakan untuk membina bot baru bukan membiayai baik pulih dan menaikkan

taraf bot sedia ada. Ini kerana jika semua bot sedia ada hendak dipermodenkan maka sebahagian besar tidak layak. Ini kerana strukturnya sekadar mampu beroperasi beberapa nautika saja dari pangkalan. Ia tidak mampu ke lokasi puluhan atau ratusan batu nautika sedangkan itu yang dikehendaki. Banyak bot uzur dan bagai 'kayu terapung'. Enjinnya sempit untuk perjalanan jauh.

Justeru, jika hendak memodenkan angkatan nelayan negara, maka perlu ada

konsep sewa beli atau bina, sewa dan milik. Kebanyakan nelayan tidak mampu

membiayai kos permodenan itu. Jika bot yang uzur pun dipermodenkan maka ia

umpama mengubahsuai bot yang sebenarnya layak dijadikan tukun. Bagi Sang Bedal, tidak perlu semua bot dipermodenkan semata-mata untuk menghabiskan

dana yang disediakan kerajaan. Tetapi adalah lebih baik jika ada sejumlah

bot baru yang benar-benar moden serta mampu beroperasi bagi jangka panjang.

Selain itu, semua bot baru itu harus dilengkapi peralatan komunikasi canggih. Perlu ada satu pangkalan di darat yang mengawal selia pergerakan

bot di laut. Sang Bedal tertarik dengan dasar perikanan di Thailand bahawa

setiap bot nelayan mesti ada kelengkapan alat komunikasi selain GPS, fish

finder dan echo sounder. Alat itu penting untuk menyalurkan maklumat dua hala yang membabitkan operasi, keselamatan dan cuaca.

Sang Bedal berharap program memodenkan angkatan bot nelayan ini tidak sekadar hangat-hangat tahi ayam.

Sang Bedal juga difahamkan pada awal 1980-an, Menteri Pertanian ketika itu pernah memperkenalkan program nelayan pancing moden. Maka diwujudkan bot nelayan pancing yang ada alat komunikasi itu tetapi program itu sekerat jalan. Segala kemudahan sama ada peralatan dan pangkalan lenyap begitu saja. Kenapa jadi begitu?

Sang Bedal juga berharap kerajaan memberi perhatian kepada pembangunan dan permodenan bot pancing sekali gus menyelesaikan masalah perundangan antara Jabatan Perikanan, Jabatan Laut serta Kementerian Pelancongan. Pertikaian mengenai operasi, insurans dan pelanggan adalah sesuatu yang menjadi barah sedangkan semua pihak terbabit tahu bagaimana hendak mengubatinya.